



# STANDARD OPERATING PROCEDURES (SOP) PENGUNAAN TELEFON BIMBIT, TABLET & KOMPUTER RIBA

**01.**

## PENDAFTARAN

Pelajar yang membawa telefon bimbit, tablet atau Komputer riba perlu:

- Mengisi borang pendaftaran
- Mendapatkan pelekat khas di koperasi
- Menandatangani borang aku janji




**02.**


## KAEDAH PENGGUNAAN

- Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** menggunakan telefon bimbit sewaktu sesi akademik, kelas persediaan, program rasmi maktab dan program kerohanian kecuali dengan kebenaran pihak maktab
- Pelajar hanya dibenarkan menggunakan telefon bimbit pada hari yang ditetapkan sahaja (Khamis - Ahad)
- Penggunaan selain daripada hari yang dinyatakan perlu mendapat kebenaran bertulis daripada TPPP sehari sebelum penggunaan.
- Penyerahan dan pengambilan melalui guru homeroom mengikut waktu yang ditetapkan:  
Pengambilan : Khamis (2.30 petang - 4.00 petang)  
Pemulangan : Ahad (2.30 petang - 4.00 petang)

**03.**

## PENYALAHGUNAAN


- 
- Penggunaan diluar daripada waktu yang ditetapkan dan ditempat yang dilarang adalah menjadi satu kesalahan.
  - Penggunaan telefon bimbit perlulah selari dengan Akta Suruhanjaya Komunikasi Malaysia.
  - Kesalahan penggunaan telefon bimbit antaranya :
    - menghantar / menyimpan / melayari / memiliki / menjual / mengedar / membeli / bahan berunsur porno @ lucah dan seumpamanya
    - mengganggu pelajar lain (gangguan seksual)
    - membuat ancaman, ugutan, menfitnah dan menghasut
    - memburukkan mana-mana pelajar / kakitangan
    - Sebarang kelakuan / hantaran menjejaskan imej MARA



**04.**

### RAMPASAN


- Tindakan merampas boleh dikenakan oleh pihak maktab jika didapati pelajar melanggar peraturan yang ditetapkan.
- Pemulangan barang rampasan ditetapkan pada akhir semester. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
- Satu salinan pengesahan rampasan akan diberikan kepada pelajar & perlu dikemukakan sewaktu membuat tuntutan.



**05.**

### KEHILANGAN / KEROSAKAN / KESELAMATAN

- Pihak maktab tidak akan dipertanggungjawabkan / dipersalahkan sekiranya berlaku sebarang kehilangan, kerosakan & keselamatan barang rampasan sekiranya langkah-langkah yang perlu telah diambil
- Ibu bapa / penjaga tidak boleh menuntut ganti rugi / mendakwa pihak maktab di atas kehilangan & kerosakan barang rampasan sekiranya langkah-langkah yang perlu telah diambil untuk mengelakkan berlakunya bencana / kebakaran di tempat penyimpanan



**06.**

### PROSES TINDAKAN PENYALAHGUNAAN

- Sebarang penyalahgunaan akan diambil tindakan tertakluk kepada Buku Peraturan Pengurusan Disiplin Maktab 2016



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA  
MERSING**

***STANDARD OPERATING PROCEDURES***

**(S.O.P)**

**PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT, TABLET  
DAN KOMPUTER RIBA**

## **MAKTAB RENDAH SAINS MARA MERSING**

### **STANDARD OPERATING PROCEDURES (S.O.P) PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT, TABLET DAN KOMPUTER RIBA**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Tujuan penyediaan *Standard Operating Procedure* (S.O.P) penggunaan telefon bimbit, tablet dan komputer riba ini adalah untuk menjadi panduan kepada Maktab Rendah Sains MARA dalam mematuhi tatacara penggunaan, pengurusan, pengawalan dan penguatkuasaan berkaitan isu alat komunikasi yang dibenarkan oleh pihak Bahagian Pendidikan Menengah MARA.
- 1.2 Selain itu, adalah menjadi keutamaan dalam memastikan faedah pelaksanaan ini kepada pengguna ke tahap yang maksimum bagi meningkatkan lagi tahap kecemerlangan dan keharmonian Maktab Rendah Sains MARA.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Teknologi di dunia pada hari ini yang semakin canggih dilihat mampu membantu manusia untuk melaksanakan pelbagai urusan. Perkembangan teknologi yang pesat telah menjadikan negara kita semakin maju. Sehubungan itu, pelbagai alat teknologi seperti komputer, telefon bimbit, tablet dan sebagainya telah dicipta dari semasa ke semasa untuk kemudahan kita.
- 2.2 Kebanyakan ibu bapa mampu membeli peralatan tersebut untuk memudahkan mereka menghubungi anak-anak yang tinggal di MRSM. Oleh hal yang demikian, kewajaran pelajar membawa dan menggunakan telefon bimbit di asrama pada masa kini lebih merupakan kepada keperluan semasa.

#### **3.0 JUSTIFIKASI**

- 3.1 Seajar dengan pelaksanaan konsep *smart school* yang telah diperkenalkan oleh MARA.
- 3.2 Memudahkan ibu bapa/penjaga/waris untuk berkomunikasi dengan anak-anak di MRSM.
- 3.3 Memudahkan warga maktab untuk menyampaikan maklumat kepada pelajar dalam hal-hal yang berkaitan kurikulum, ko-kurikulum, kepimpinan pelajar, homeroom dan sebagainya.
- 3.4 Menambah keberkesanan dan kualiti pengajaran dan pembelajaran di MRSM.
- 3.5 Memanfaatkan kecanggihan teknologi terkini secara berkesan.

#### **4.0 PELAKSANAAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (S.O.P )**

##### **4.1 Pendaftaran dan pemilikan Telefon Bimbit/Komputer Riba/Tablet**

- 4.1.1 Setiap pemilikan telefon bimbit/komputer riba/tablet wajib berdaftar dengan Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar (TPPP) yang mengandungi maklumat-maklumat seperti nama pemilik, jenis dan jenama telefon/komputer riba, nombor siri dan nombor telefon.
- 4.1.2 Setiap telefon bimbit/komputer riba/tablet yang ingin didaftarkan, perlu mendapat kebenaran secara bertulis (mengisi dan menandatangani borang akujanji) daripada ibu bapa/penjaga.
- 4.1.3 Telefon bimbit/komputer riba/tablet yang didaftarkan akan diberikan pelekat khas dan ditampal bagi menandakan peralatan tersebut telah didaftarkan secara rasmi dan disahkan oleh pihak Maktab.
- 4.1.4 Penggunaan komputer riba dan tablet adalah berdasarkan keperluan. Pelajar perlu membuat surat permohonan dan perlu disokong oleh guru yang berkenaan.
- 4.1.5 Komputer riba dan tablet yang telah didaftar hendaklah diserahkan/disimpan di tempat yang disediakan oleh pengurusan maktab
- 4.1.6 Proses penyimpanan komputer riba dan tablet akan diuruskan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh pihak pengurusan maktab.
- 4.1.7 Dilarang menanggal/mengubah/meminda sebarang maklumat pada pelekat khas bagi tujuan pengecaman dan pengesahan pemilikan
- 4.1.8 Hanya satu telefon bimbit, satu komputer riba dan satu tablet **SAHAJA** dibenarkan mendaftar bagi setiap pelajar.
- 4.1.9 Penukaran telefon bimbit yang baru perlu dimaklumkan kepada TPPP dengan mengisi borang pendaftaran yang baru
- 4.1.10 Sebarang pemalsuan maklumat pendaftaran adalah **SATU KESALAHAN** dan boleh dikenakan tindakan disiplin
- 4.1.11 Pelajar digalakkan untuk membawa telefon bimbit yang asas sahaja dan nilai nya tidak terlalu mahal.

## 4.2 Kaedah Penggunaan dan pengecasan

- 4.2.1 Pelajar tidak dibenarkan menggunakan telefon bimbit sewaktu sesi akademik, kelas persediaan, program rasmi maktab dan program kerohanian **KECUALI** dengan kebenaran pihak maktab
- 4.2.2 Penggunaan telefon bimbit hanya pada hari khamis sehingga Ahad Sahaja. Pelajar akan menyerahkan telefon bimbit kepada Guru Homeroom / Guru Asrama Bertugas pada setiap hari Ahad sebelum jam 4.00 Petang. Pelajar akan menerima telefon bimbit daripada Guru Homeroom / Guru Asrama Bertugas pada setiap hari khamis selepas jam 2.00 Petang
- 4.2.3 Jika pelajar ingin mendapatkan telefon bimbit selain daripada hari yang ditetapkan, pelajar perlu menulis surat rasmi kepada Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar dengan sokongan Guru Homeroom. Surat permohonan perlu dihantar satu (1) hari sebelum tarikh pengambilan.
- 4.2.4 Penggunaan komputer riba sewaktu sesi akademik **DIBENARKAN** sekiranya mendapat keizinan guru
- 4.2.5 Pelajar dibenarkan melayari capaian internet di kawasan yang dibenarkan sahaja.
- 4.2.6 Pengecasan telefon bimbit / tablet / komputer riba hanya di tempat yang telah ditetapkan sahaja.

## 4.3 Penyalahgunaan

- 4.3.1 Penggunaan telefon/ komputer riba/tablet perlulah selari dengan Akta Suruhanjaya Komunikasi
- 4.3.2 Kesalahan penggunaan telefon bimbit/komputer riba/tablet adalah seperti berikut :
  - i) Menghantar/menyimpan/melayari/memiliki/menjual/mengedar/membeli/ bahan berunsur porno/lucah dan seumpamanya
  - ii) Menggoda dan mengganggu pelajar lain
  - iii) Membuat ancaman, ugutan, memfitnah dan menghasut
  - iv) Memburukkan mana-mana pelajar/kakitangan MRSM
  - v) Sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan imej MARA

- 4.3.3 Tindakan tatatertib boleh dikenakan kepada pelajar yang tidak mematuhi mana-mana peraturan yang telah ditetapkan.

#### **4.4 Rampasan/Simpanan/Pemulangan**

- 4.4.1 Sekiranya perkara yang berlaku sepertimana yang ditakrifkan mengikut sub peraturan 4.2 atau/dan 4.3 tindakan **rampasan** boleh dilakukan oleh pihak maktab.
- 4.4.2 Sebarang rayuan selepas rampasan tidak akan dilayan sehingga waktu pemulangan yang ditetapkan pihak maktab
- 4.4.3 Barang rampasan hanya akan dipulangkan pada setiap akhir semester atau tamat pengajian di MRSM mengikut tarikh yang ditentukan oleh pihak pengurusan maktab.
- 4.4.4 Setiap barang rampasan perlu direkod dan dilabelkan berdasarkan nama pelajar,no.maktab,kelas, tarikh rampasan,homeroom dan penasihat serta nama pelapor
- 4.4.5 Satu salinan pengesahan rampasan perlu diberikan kepada pelajar dan dikemukakan semasa membuat tuntutan.
- 4.4.6 Barang rampasan hendaklah disimpan di pejabat pentadbiran dibawah penyeliaan TPPP dan mempunyai peti keselamatan yang berkunci setiap masa.
- 4.4.7 Setiap pemulangan barang rampasan akan dikawalselia oleh TPPP dengan kerjasama unit pengurusan asrama.
- 4.4.8 Pemulangan hanya akan diberikan kepada pemilik asal yang berdaftar atau penjaga yang sah.

#### **4.5 Kehilangan/Kerosakan/Keselamatan**

- 4.5.1 Pihak maktab **TIDAK** dipertanggungjawabkan atau/dan dipersalahkan sekiranya berlaku sebarang kehilangan, kerosakan dan keselamatan barang rampasan.

4.5.2 Ibu bapa/Penjaga **TIDAK BOLEH** menuntut gantirugi atau/dan mendakwa pihak maktab di mahkamah di atas sebarang kehilangan, kerosakan dan keselamatan barang rampasan.


## **5.0 PROSES TINDAKAN PENYALAHGUNAAN**

5.1 Sebarang penyalahgunaan akan diambil tindakan tertakluk kepada **Buku Peraturan Pengurusan Disiplin Maktab 2013**.




## 6.0 CARTA ALIR


### 6.1 Carta Alir Prosedur Penggunaan Telefon Bimbit



## 6.2 Carta Alir Prosedur Penggunaan Komputer Riba/Tablet



### 6.3 Carta Alir Prosedur penyimpanan dan pemulangan telefon bimbit



**BORANG PENDAFTARAN TELEFON BIMBIT /TABLET/ KOMPUTER RIBA**

Saya \_\_\_\_\_ (ibu bapa/penjaga) kepada  
\_\_\_\_\_ (pelajar),

NoMaktab \_\_\_\_\_ Homeroom \_\_\_\_\_ Tingkatan \_\_\_\_\_

telah faham dan bersetuju dengan syarat dan peraturan penggunaan telefon bimbit/tablet/Komputer riba yang telah ditetapkan oleh pihak maktab.

2. Butiran telefon bimbit/tablet/computer riba adalah seperti berikut:-

- i). Model : \_\_\_\_\_
- ii). No. Siri/Email : \_\_\_\_\_  
No. Telefon : \_\_\_\_\_
- iii) Bimbit : \_\_\_\_\_

Saya tidak akan membuat sebarang tuntutan atau mengambil apa-apa tindakan undang-undang di atas kehilangan dan kerosakan telefon bimbit/tablet/Komputer riba seperti maklumat di atas

Tandatangan ibu Bapa/ Penjaga

Tandatangan Pelajar

\_\_\_\_\_  
Nama :  
No  
K/P :  
No  
H/P :  
Tarikh :

\_\_\_\_\_  
Nama :  
No K/P :  
Tarikh :

KEPADA:

Pengetua

Maktab Rendah Sains MARA Mesing

**AKUJANJI MEMATUHI PERATURAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT /TABLET/  
KOMPUTER RIBA**

Adalah saya .....  
No. Maktab .....Kelas.....Homeroom.....dengan  
ini mengaku bahawa telah mendaftar penggunaan telefon bimbit dengan pihak maktab. Saya  
telah memahami peraturan penggunaan telefon bimbit/tablet/computer riba di MRSM dengan ini  
berjanji tidak akan melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan maktab.  
Jika didapati saya melanggar peraturan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan maktab saya  
sedia menerima hukuman/tindakan mengikut Buku Peraturan Pengurusan Disiplin MRSM 2008.

**PERATURAN AM PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT/TABLET/KOMPUTER RIBA**

1. Pelajar tidak dibenarkan menggunakan telefon bimbit/ tablet/ komputer riba pada waktu kelas akademik, kelas persediaan, program rasmi maktab dan program kerohanian kecuali dengan kebenaran maktab.
2. Penggunaan telefon bimbit /komputer riba/ tablet perlulah selari dengan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (rujuk lampiran akta).
3. Mengecas telefon bimbit / computer riba / tablet hanya di tempat yang dibenarkan sahaja. Jika tidak, tindakan akan diambil.
4. Pihak maktab tidak dipertanggungjawabkan atau/dan dipersalahkan sekiranya berlaku sebarang kehilangan, kerosakan dan keselamatan peralatan ketika dalam jagaan pelajar.
5. Hanya satu telefon bimbit, satu komputer riba dan satu tablet sahaja dibenarkan untuk didaftarkan bagi setiap pelajar.

Sekian, terima kasih

Tandatangan Pelajar

---

Nama :

No K/P :

No H/P :

Tarikh